

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 1 OGOS 2013, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1311-L16758
Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah dan perancangan Kementerian untuk membangunkan sukan negara bagi melahirkan atlet-atlet yang mampu menjulang nama negara di persada sukan peringkat antarabangsa termasuk memenangi pingat emas pertama sukan Olimpik untuk negara.
2. PN-1311-L16289
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan *national reconciliation* seperti diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri pada malam pengumuman hasil PRU-13, 5 Mei yang lalu.
3. PN-1311-L16302
Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah CCTV yang telah dipasang seluruh negara, termasuk jumlah di setiap negeri dan apakah langkah-langkah untuk memperhebatkan inisiatif ini.
4. PN-1311-L16577
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menghapuskan pembuatan serta penjualan ubat-ubat palsu di negara ini.
5. PN-1311-L16858
Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk meningkatkan peluang perniagaan untuk wanita terutamanya wanita ibu tunggal dan wanita kurang upaya.
6. PN-1311-L16707
Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bahawa isu keciciran di kalangan pelajar Orang Asli antaranya berpunca daripada kekurangan kemudahan prasekolah atau tadika dan juga sikap guru tadika yang kurang menyenangkan, oleh itu apakah tindakan Kementerian bagi mengatasinya.

7. PN-1311-L16693
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi mengukuhkan nilai ringgit berbanding nilai Yen, Singapura Dollar, Pound Sterling, US Dollar dan Euro agar urusan dagangan asing lebih stabil dan kadar inflasi dalam negara dapat diminimumkan.
8. PN-1311-L16377
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jenis tindakan yang telah diambil bagi menangani penyebaran ajaran Syiah di Malaysia.
9. PN-1311-L16365
Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang menjadi ibu dan bapa tunggal, punca kepada keadaan itu, jumlah perceraian serta langkah-langkah bagi mengatasi masalah berkenaan.
10. PN-1311-L16190
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengatasi masalah remaja sekarang yang kurang melakukan aktiviti-aktiviti fizikal yang menyihatkan, yang mana, mereka dilihat lebih banyak menghabiskan masa di depan komputer, telefon pintar, menonton televisyen dan memakan makanan ringan.
11. PN-1311-L16487
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah hasil kajian Kementerian terhadap pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Adakah negara Malaysia bersiap sedia untuk menerima pelaksanaan GST.
12. PN-1311-L16273
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan penyertaan tenaga kerja wanita seiring dengan perkembangan ekonomi negara dan nyatakan program transformasi untuk menarik minat dan menambah jumlah tenaga kerja wanita.
13. PN-1311-L16527
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah pendapatan negara dari sektor minyak dan gas. Berapakah pendapatan Petronas bagi sepuluh tahun yang lepas, mengikut tahun.
14. PN-1311-L16853
Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah dengan langkah Kerajaan untuk menurun dan memansuhkan cukai kenderaan bermula pada tahun ini akan memberi kesan negatif terhadap pasaran kereta Proton dan Perodua serta industri automotif tempatan keseluruhannya. Justeru itu, apakah langkah-langkah positif yang boleh dilakukan oleh Kerajaan untuk menjamin pasaran kereta tempatan tidak terjejas dan mempunyai daya saing yang baik.

15. PN-1311-L16523
Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah yang dikenal pasti menghadapi permasalahan fizikal mengikut negeri di seluruh negara. Dan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.
16. PN-1311-L16873
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik bagi 5 tahun terakhir ini, penerima bantuan yang berdaftar menerima bantuan di bawah pelbagai kategori dalam Kementerian lima tahun lepas bagi negeri Kelantan dan apakah transformasi yang dilakukan oleh Kementerian bagi mempercepatkan proses kelulusan permohonan bantuan yang disediakan.
17. PN-1311-L16603
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap aktiviti pemborong rumah yang membeli rumah secara banyak dan kemudiannya menjual dengan harga yang tinggi untuk mengaut keuntungan atas angin yang memberi kesan negatif iaitu kenaikan harga rumah secara tidak terkawal hari ini.
18. PN-1311-L16724
Dato' Jaspal Singh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah dana Perkongsian Awam Swasta (PPP) yang telah diluluskan dan statistik penerima dana tersebut.
19. PN-1311-L16802
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian berpandangan parti-parti yang bersikap cauvinis dan ekstrem bakal mengganggu gugat keamanan negara dengan beberapa cadangan dan kenyataan yang jelas melanggar etika Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan konsep Demokrasi Berperlembagaan.
20. PN-1311-L16623
Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perkembangan terbaru jelapang padi negeri Pulau Pinang dan Kedah, termasuk perubahan dalam keluasan bendang, pengeluaran (*yield*) dan kos pelbagai subsidi pada tiga (3) tahun kebelakangan ini (2010-2012).
21. PN-1311-L16275
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilangan rumah yang telah dibina melalui Program Bantuan Rumah (PBR) mengikut negeri dan nyatakan kos projek berkenaan.

22. PN-1311-L16546
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Jabatan Khidmat Latihan Negara (JLKN) bercadang mewajibkan semua bakal pelatih PLKN agar menjalani ujian saringan kesihatan termasuk ujian kehamilan bagi mengelakkan kes pelatih yang mengidap penyakit kronik serta kes pelatih yang menyembunyikan kehamilan terlibat sama mengikuti program ini yang bakal menimbulkan masalah di kemudian hari.
23. PN-1311-L16327
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus syarikat-syarikat koperasi bagi mencapai sasaran perolehan sektor koperasi negara RM40 bilion pada tahun 2020.
24. PN-1311-L16470
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan bahawa PRU-13 telah menimbulkan perpecahan di kalangan rakyat Malaysia, apakah langkah-langkah ekonomi, sosial dan politik yang sedang dirancang untuk mengatasi masalah perpecahan ini.
25. PN-1311-L16216
Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian ini dalam memperkasakan industri pertanian bagi meningkatkan sara hidup yang lebih selesa kepada masyarakat tani di luar bandar.
26. PN-1311-L16759
Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi menggalakkan pembangunan R&D di negara ini khususnya bagi menghasilkan produk inovasi bernilai komersial untuk pasaran antarabangsa.
27. PN-1311-L16701
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah statistik aktiviti pembalakan di seluruh negara dan kawalan pencegahan impak alam sekitar dan keselamatan dari pembalakan ini agar kelestarian Hutan Hujan Tropika dipelihara.
28. PN-1311-L16420
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ulasan dan memberi maklum tentang pencapaian ETP (Pelan Transformasi Ekonomi) sejak pelancarannya dan apakah faedah yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat.

29. PN-1311-L16452

Datuk Pau Chiong Ung minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menaik tarafkan Ibu Pejabat balai Polis Bintulu memandangkan perkara ini telah dipersetujui oleh Mantan Y.A.B. Perdana Menteri, Tun Haji Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi dari segi perjawatan dan kemudahan Infrastruktur (Pembinaan Bangunan Baru/Balai Polis Baru seperti di Lot & Perumahan Sungai Plan Bintulu, dan Tapak Industri Samalaju); dan
- (b) adakah Kementerian akan melaksanakan Projek Pembinaan Kompleks Pasukan Gerak AM (PGA) di Bahagian Bintulu memandangkan tempat kediaman mereka buat masa sekarang akan dikembalikan kepada pasukan Pengakap Bintulu, Sarawak.

30. PN-1311-L16349

Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pelajar berketurunan Siam yang mendapat pinjaman MARA dan jumlah usahawan berketurunan Siam yang mendapat pinjaman perniagaan MARA.

31. PN-1311-L16761

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan bilangan paten, hak cipta, reka bentuk perindustrian dan cap dagangan yang didaftarkan bagi tempoh 2010 hingga 2013 dan nyatakan punca pendaftaran paten mengambil masa yang agak lama sehingga 5 tahun.

32. PN-1311-L16208

Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada cukai "Goods and Services Tax" (GST) dilaksanakan di negeri Sabah dan bagaimanakah cara pelaksanaannya.

33. PN-1311-L16404

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja-pekerja migran yang terdapat di Malaysia sehingga akhir bulan Jun 2013.

34. PN-1311-L16513

Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa hektar tanah yang ditanam padi bagi sepuluh tahun yang lalu, mengikut tahun. Berapakah peratus keperluan beras di bekal oleh penanam padi tempatan.

35. PN-1311-L16186

Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian bersedia untuk meletakkan syarat wajib memasang CCTV di pusat-pusat asuhan seluruh negara kerana ianya dapat mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

36. PN-1311-L16522
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah Klinik 1Malaysia yang telah beroperasi. Berapa di kawasan bandar dan berapa di kawasan luar bandar.
37. PN-1311-L16229
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) kedudukan negara terkini di peringkat dunia dalam bidang ekonomi, mudah urus niaga, pelajaran, jenayah, sosio, kebersihan, keselamatan, pelancongan, membeli-belah, perpaduan dan lain-lain; dan
 - (b) apakah usaha-usaha bagi meningkatkan kedudukan tersebut.
38. PN-1311-L16828
Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian untuk menghalang wujudnya kawasan penempatan warga asing yang menjadi tempat perlindungan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), yang mana telah berkembang secara tidak terkawal di kawasan-kawasan bandar utama.
39. PN-1311-L16369
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah langkah-langkah diambil bagi menyuburkan aktiviti teater muzikal Islam yang patuh syariah sebagai alternatif kepada aktiviti teater yang ada sekarang.
40. PN-1311-L16274
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah tindakan yang telah diambil terhadap penyebaran ajaran sesat di negara ini termasuk bekas pengikut Al-Arqam dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi membendung penyebaran ajaran sesat termasuk Syiah.
41. PN-1311-L16795
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa harga rumah di kawasan bandar khususnya Wilayah Persekutuan terus melambung tinggi, dan apakah langkah-langkah untuk mengawal harga harta tanah yang kian melambung.
42. PN-1311-L16554
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) bagaimanakah ESSCOM dengan gabungan pelbagai agensi keselamatan negara mampu menerajui keselamatan khas Pantai Timur Sabah; dan

- (b) bilakah Kementerian akan mendedahkan dalang-dalang rakyat tempatan termasuk golongan berpengaruh yang khabarnya mempunyai kaitan dengan kumpulan penceroboh pengganas Kiram.
43. PN-1311-L16440
Datuk Pau Chiong Ung minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan atau pertimbangan untuk menghantar balik banduan warga asing ke negara asal mereka atau menjalani program pertukaran banduan memandangkan seramai 11,000 orang lebih banduan warga asing di penjara negara kita yang memakan perbelanjaan RM 400 ribu setiap hari yang membebankan Kerajaan negara kita.
44. PN-1311-L16489
Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan program-program yang telah dan akan dilaksanakan kepada golongan belia terutama remaja perempuan yang terlibat dalam gejala sosial. Berapakah jumlah kes pembuangan bayi dan kes melahirkan anak luar nikah yang telah direkodkan sepanjang tahun lalu dan dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2013.
45. PN-1311-L16881
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dan Kementerian untuk mendidik penyokong perlawanan sukan, khususnya sukan bola sepak supaya tidak mencetuskan pergaduhan dan tidak membawa kesan buruk kepada industri sukan pada masa hadapan.
46. PN-1311-L16432
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang tahap kesihatan negara, juga 'rating' perkhidmatan yang diberikan di hospital-hospital besar Kerajaan adakah memuaskan, dan fasilitinya bertaraf antarabangsa, katilnya mencukupi dan sebagainya. Adakah doktor warga tempatan mencukupi dan sekiranya tidak, apakah langkah-langkah untuk mengatasinya.
47. PN-1311-L16262
Dato' Nalla K. S. minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah utama Kerajaan di dalam membasmi perhimpunan haram yang tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa seperti perhimpunan haram *Blackout 505*. Mengapa tiada tangkapan dilakukan ke atas mereka ini.
48. PN-1311-L16770
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa ramai penuntut Bumiputera daripada Sabah dan Sarawak sedang menuntut di Kolej-kolej MARA sejak 2009. Beri perpecahan menurut negeri dan suku bangsa.

49. PN-1311-L16178

Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah lebih baik sekiranya bayaran levi tahunan yang dibayar sendiri oleh pekerja asing ini, dilaksanakan seperti sistem EPF iaitu levi dibayar secara bulanan melalui potongan gaji yang dilakukan oleh pihak majikan. Ianya akan memberikan situasi yang adil kepada semua pihak sama ada daripada Kerajaan, majikan dan pekerja. Apakah pendapat Kementerian mengenai cadangan ini.

50. PN-1311-L16813

Datuk Hj Saat bin Hj Abu minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kontraktor Bumiputera melalui PKK agar permohonan baru dan memperbaharui lesen diwajibkan menjadi ahli persatuan kontraktor di peringkat negeri masing-masing, kontraktor Bumiputera di seluruh negara mencapai 40,000 orang, tetapi yang menjadi ahli persatuan cuma 3000 orang lebih kurang di seluruh negara.

51. PN-1311-L16855

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah NKRA Kementerian-kementerian telah berjaya dicapai, walaupun mempunyai statistik namun apakah indikator yang menunjukkan keberkesanan penerimaan NKRA di kalangan masyarakat biasa.

52. PN-1311-L16667

Tuan Lihan Jok minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah pusat kawalan sempadan Malaysia-Indonesia Malaysia cukup ketat. Apakah tindakan Kementerian untuk memastikan tidak timbul pencerobohan melalui Bakelalan, Tebedu dan Long Banga, Sarawak.

53. PN-1311-L16240

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:-

- (a) nilai-nilai perdagangan antara Malaysia dan 10 negara yang utama; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diusahakan oleh Kementerian dalam mengimbangkan kedudukan tersebut.

54. PN-1311-L16467

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan dan peratusan kemasukan pelajar mengikut kaum di 23 buah Institut Pengajian Tinggi Awam di negara ini dari tahun 2008-2012. Nyatakan jumlah dan peratusan peningkatan, membabitkan kemasukan pelajar Bumiputera di IPTA dalam tempoh berkenaan. Apakah pendirian Kementerian terhadap saranan Menteri Besar Selangor yang mencadangkan 10 peratus kemasukan ke UiTM dibuka kepada bukan Bumiputera. Sebelum ini, Kementerian juga telah membuka kuota 10 peratus di MRSM dan Matrikulasi kepada bukan Bumiputera.

55. PN-1311-L16634

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) nama Kerajaan-kerajaan Negeri di Malaysia yang sentiasa mengalami defisit belanjawan tahunan; dan
- (b) apakah langkah-langkah jangka panjang yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu Kerajaan Negeri Perlis mengurangkan defisit belanjawan.

56. PN-1311-L16595

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan tegas Kementerian menangani perhimpunan haram yang semakin menular ke seluruh negara yang turut mengajak rakyat keluar memprotes keputusan pilihan raya termasuk diwar-warkan sebagai "Malaysian Spring" oleh sesetengah pemimpin demi memenuhi agenda politik peribadi masing-masing.

57. PN-1311-L16845

Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan ramai beranggapan antara punca kejatuhan mutu sukan negara adalah disebabkan oleh pengurusan yang tidak profesional dan diterajui oleh mereka yang bukan berada dalam bidang sukan. Apakah tindakan pihak berwajib dalam menangani masalah ini terutama untuk memastikan mutu sukan negara kembali meningkat dan menjadi antara kuasa digeruni di peringkat antarabangsa. Insiden penggantungan bekas ketua jurulatih olahraga kebangsaan dan enam atlit negara baru-baru ni menunjukkan kurangnya amalan profesionalisme dalam bidang pengurusan sukan yang akhirnya merugikan negara untuk jangka masa panjang.

58. PN-1311-L16437

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jika persoalan bekalan air di kawasan negeri Selangor dan Lembah Klang berlarutan dan tidak mendapat satu persetujuan dalam masa terdekat ini, maka dikhuatiri komuniti dan premis perniagaan termasuk kawasan perindustrian juga akan mengalami kerugian besar. Nyatakan usaha-usaha untuk menyelesaikan dan apakah pelan-pelan kontingensi yang boleh diambil oleh Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan masalah air ini, jika tidak mendapat persetujuan dari pihak-pihak yang berkenaan.

59. PN-1311-L16665

Tuan Lihan Jok minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cara mana Kementerian berusaha meringankan masalah dan bebanan rakyat tempatan yang tinggal sekitar kawasan Long Lama akibat penutupan Klinik Desa yang lama kerana perkhidmatan sudah berpindah ke sebuah klinik yang baru di seberang Sungai Baram.

60. PN-1311-L16897

Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah projek PERMATA begitu hebat dilaksanakan dan diberikan keutamaan dengan peruntukan bajet yang melebihi peruntukan kepada projek dan program pembangunan koridor-koridor.

61. PN-1311-L16559
Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sehingga kini berapa ramai pekerja asing di Malaysia dan berapa pula jumlah daripada mereka merupakan Pendatang Tanpa Izin (PATI). Adakah Kerajaan bersetuju dengan usaha Pusat Pertukaran Pekerja Binaan Berhad (CLAB) yang mengeluarkan kad pendaftaran pekerja asing mengandungi bar kod yang menyimpan semua data pekerja asing berkenaan.
62. PN-1311-L16567
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan wujud rungutan daripada pelancong-pelancong asing bahawa mereka dikehendaki membayar lebih daripada orang-orang tempatan untuk memasuki tempat-tempat pelancongan. Adakah ini benar. Jika ianya benar, mengapa orang asing perlu membayar lebih.
63. PN-1311-L16328
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi menaik taraf lebih banyak perniagaan mikro di bawah pembiayaan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) kepada status Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
64. PN-1311-L16781
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengapakah Kampung Abdullah Hukum yang menjadi sejarah orang Melayu awal di Kuala Lumpur dirobohkan oleh SP Setia meskipun dijanjikan akan dibina semula di lokasi lain di dalam projek pembangunan tersebut, sedangkan syarikat yang sama dapat mengekalkan kesan bersejarah Battersea Power Station di London.
65. PN-1311-L16288
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa semakan semula kurikulum sejarah dalam sistem persekolahan kita memakan masa terlalu lama.
66. PN-1311-L16353
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung keputusan Mahkamah Rayuan Putrajaya baru-baru ini membenarkan peguam bukan Islam memohon sebagai peguam syarie di Wilayah Persekutuan.
67. PN-1311-L16885
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kejadian jenayah pembunuhan di dalam negara yang melibatkan senjata api dan perbandingan dalam tempoh 3 tahun ke belakang.
68. PN-1311-L16726
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar India yang telah berdaftar dan melanjutkan pelajarannya di peringkat matrikulasi bagi pengambilan sesi 2012 dan sesi 2013.

69. PN-1311-L16734

Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah viewership program-program TV1 dan TV2 dan berapakah kos biayaan atau pembelian filem-filem tempatan dan luar negara.

70. PN-1311-L16919

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan sekali lagi bercadang untuk menaikkan elauan bagi Ahli Parlimen untuk dipertimbangkan dalam peruntukan Bajet 2014 nanti.

71. PN-1311-L16905

Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sikap negara terhadap penganiayaan, penindasan serta kekejaman yang dilakukan oleh Kerajaan junta Myanmar melalui etnik Rakhine terhadap masyarakat etnik Rohingya yang semakin meningkat dari hari ke hari serta apakah rancangan Kerajaan Malaysia untuk membantu pelarian etnik Rohingya yang berada di Malaysia sebelum mereka dihantar pulang ke negara mereka apabila konflik yang melanda mereka sudah reda.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70 (1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah seperti berikut:-

- 1) YB. Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang - (Pengerusi)
(Tuan Yang-Dipertua Dewan Negara)
- 2) YB. Sen. Datuk Doris Sophia Ak Brodi
- 3) YB. Sen. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon
- 4) YB. Sen. Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh
- 5) YB. Sen. Dr. Syed Husin Ali

2. (D.R. 4/2013) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang".**
(31 Julai, 2013)

[Menteri Kewangan]

3. PN-1311-U16251

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami Ahli-ahli Dewan Negara Barisan Nasional merakamkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atas titah ucapan baginda pada 25 Jun 2013 di Dewan Rakyat baru-baru ini. Sesungguhnya titah ucapan tersebut perlu dihayati oleh semua pihak tanpa mengira fahaman politik dan anutan kepercayaan masing-masing. Titah ucapan baginda ternyata amatlah baik dan berkesan untuk keamanan, perpaduan, kesejahteraan, kebaikan, kemakmuran semua pihak, rakyat dan negara ini."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

4. PN-1311-U16252

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami Ahli Dewan Negara dari Barisan Nasional merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah di atas kemenangan Barisan Nasional pada PRU-13 baru-baru ini. Kami juga merakamkan tahniah kepada YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dilantik sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Turut merakamkan tahniah kepada semua Menteri, Timbalan Menteri dan semua Ahli Parlimen Barisan Nasional, serta juga kepada Senator-Senator baru yang telah dilantik. Semoga mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik, amanah, bertanggungjawab, cemerlang dan terbilang demi kesejahteraan rakyat dan negara."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

5. PN-1311-U16256

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan menangani isu jerebu yang saban tahun berlaku dan sentiasa berulang di negara ini. Kami berharap Kerajaan dapat menyelesaikan isu ini dalam bentuk jangka panjang agar tidak berulang kembali. Kami juga menyeru supaya satu usaha dibuat diantara Kerajaan Malaysia dan Indonesia secara bersungguh-sungguh, menyeluruh, bersifat proaktif serta tidak berulang lagi."

[Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]

6. PN-1311-U16257

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan mengutamakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan daripada rakyat asing. Kita sedar bahawa sekarang ini terlalu ramai rakyat asing sama ada yang halal atau haram (PATI) bekerja di negara ini. Dianggarkan sekitar 5 juta orang. Ini mengancam peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan keselamatan negara. Oleh itu, sudah sampai masanya kerajaan merancang dan berusaha untuk mengurangkan kedatangan rakyat asing dan mengurangkan penggunaan tenaga kerja mereka dan sebaliknya diganti oleh rakyat tempatan yang sekarang ini banyak menganggur. Oleh itu satu cetak biru dan tindakan yang bersifat jangka pendek dan jangka panjang wajib dilaksanakan segera bagi menghindarkan terjadinya seperti kata pepatah "kera di hutan disusukan, anak dibuaian ditinggalkan."

[Menteri Sumber Manusia]

7. PN-1311-U16387

Dato' Boon Som a/l Inong akan mencadangkan:-

"Bahaha Dewan ini mencadangkan supaya meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elaun dan kemudahan Ahli Parlimen. Pindaan ini perlu memandangkan tempoh tiga tahun adalah sangat terhad untuk membolehkan seseorang Ahli Dewan Negara memberi perkhidmatan dengan berkesan. Sungguhpun Ahli Dewan Negara tidak mempunyai kawasan tertentu dan pengundi, mereka mewakili kelompok tertentu dan mempunyai tanggungjawab tertentu terhadap kelompok yang diwakilinya, terutama bagi Ahli Dewan Negara yang dilantik mewakili masyarakat minoriti seperti Masyarakat Siam. Bahkan kadangkala peranan Ahli Dewan Negara yang mewakili masyarakat minoriti hampir-hampir menyamai peranan Ahli Dewan Rakyat yang dilantik menerusi pilihan raya. Bahkan ditinjau di negara-negara jiran di rantau ASEAN ini yang juga mengamalkan sistem bicameralism, didapati Senator di Indonesia memegang jawatan selama lima tahun manakala di Thailand dan Filipina pula selama enam tahun. Dengan pindaan ini kelak akan meletakkan Senator di Malaysia setara dengan rakan sejawat mereka di negara jiran. Begitu juga dengan elaun dan kemudahan Ahli Parlimen, kajian semula perlu dilakukan supaya bersesuaian dengan keadaan semasa, terutama dari segi ekonomi, serta tanggungjawab yang dipikulnya. Sejak Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 diwartakan, kali terakhir gaji Ahli Parlimen disemak adalah pada tahun 2005. Dibandingkan dengan negara jiran, gaji Ahli Parlimen di negara ini jauh lebih rendah. Ahli Parlimen negara ini memperoleh RM6,500 sebulan berbanding Ahli Parlimen Singapura (RM33,589), Indonesia (RM18,000) dan Thailand (RM11,534). Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil tindakan serius bagi meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elaun dan kemudahan Ahli Parlimen."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2013</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.27	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Bagi Tahun 2012.	1 Ogos 2013
ST.32	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia Bagi Tahun 2012.	1 Ogos 2013
ST.33	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemantauan Audit Bagi Tahun 2012.	1 Ogos 2013
CMD.22	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundungan Bagi Tahun 2012	1 Ogos 2013